# Pencerobohan tebing sungai antara punca banjir kilat

Yusmizal Dolah Aling
yusmizal@hmetro.com.my



PENIAGA membersihkan gerai mereka yang kotor akibat ditenggelami air dalam kejadian banjir kilat di Taman Muhibbah, Sungai Chua Kajang. FOTO Hairul Anuar Rahim

WUJUD aktiviti pencerobohan di tebing Sungai Langat yang menjadi antara punca banjir kilat Sabtu lalu.

Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari berkata, pihak berkuasa tempatan dan pejabat tanah Hulu Langat sudah mengenalpasti perkara itu dan tindakan akan diambil terhadap mereka yang terbabit.

Katanya, kerajaan negeri memperuntukkan bantuan khas RM500 kepada semua mangsa banjir di negeri itu Sabtu lalu.

Menurutnya, ia bagi meringankan beban mereka yang terbabit dalam banjir yang disifatkan terbesar selepas 2016.

Amirudin, agensi berkaitan sudah digerakkan untuk membantu membersihkan rumah penduduk yang terbabit.

Trending


TMJ tegur pengurusan Melaka United


30 'berendam' bawa jenazah


Pak Belang kebuluran


Pemain jadi buruan bank


Tipu lembu rupa padang guna VR

Jawab soalan tinjauan kami dan dapatkan diskaun hebat

Apakah bangsa anda?

Melayu
Cina
India
Etnik Sabah & Sarawak
Lain lain

VPoints: 1

"Untuk jangka pendek kita akan cuba mendalamkan dan membersihkan sepanjang Sungai Langat.

"Pihak berkuasa tempatan dan pejabat tanah juga mengesan ada pencerobohan di tebing sungai dan kita akan mengambil tindakan," katanya selepas mendengar taklimat dan menyerahkan sumbangan kepada mangsa banjir di Kajang, hari ini.

Katanya, seramai 141 keluarga terjejas dalam banjir berkenaan dan ada yang ditempatkan di pusat penempatan sementara.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata, sejumlah RM500 juta dipohon di dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) untuk Rancangan Tebatan Banjir Fasa 2 bagi mengatasi masalah banjir di Kajang.

"Kita harap ia dapat menyelesaikan masalah dan memberi kelegaan kepada lokaliti yang terjejas seperti Sungai Jambu, Sungai Pening, Sungai Sekamat dan kawasan sekitarnya.

"Banjir kali ini disebabkan jumlah hujan luar biasa yang tidak berlaku puluhan tahun lalu.

"Sungai Langat biasanya boleh menerima maksimum 88 milimeter hujan. Pada hari kejadian di lokaliti tertentu dicatatkan 192 milimeter hujan. Ini yang menyebabkan berlakunya banjir kilat," katanya.

**Disiarkan pada: Julai 20, 2020 @ 11:07am**


Artikel Berkaitan



UTAMA
Wujud aktiviti ceroboh sungai



MUTAKHIR
Bomba tempatkan lima khemah bantuan hadapi gelombang kedua banjir Hulu Langat




MUTAKHIR
50 rumah dinaiki air



UTAMA
Pengkalan Chepa diramal tenggelam

Mutakhir



Didenda RM7,000 jual kotak TV android bukan 'original'



Didenda RM7,000 jual kotak TV Android



200,000 benih balak dihanyutkan arus kepala air



Mangsa banjir tidak hadir ambil bantuan akan dihubungi semula




Amal '3T' elak jadi mangsa sindiket penipuan dalam talian





Metro
Jawab soalan tinjauan kami dan dapatkan diskaun hebat
(https://vodus.my/sync?syncType=4&partnerWebsiteId=38&questio...tebing-sungai-antara-punca-banjir-kilat&hos
×

Apakah bangsa anda?

Melayu
Cina
India
Etnik Sabah & Sarawak
Lain lain

VPoints: 1 (https://vodus.my/sync?syncType=2&partnerWebsiteId=38&...
metro.com.my/mutakhir/2020/07/601638/pencerobohan-tebing-sungai-antara-punca-banjir-kilat&host=www.hmetro.com.my)

Disyorkan untuk anda

Iklan oleh





